

DEB tak akan menyimpang selepas 1990

KUALA LUMPUR 29 Nov. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan Dasar Ekonomi Baru selepas 1990 tidak akan mengeneipkan matlamat penyusunan semula masyarakat khususnya pemilikan 30 peratus saham korporat oleh bumiputera dan memperluaskan penglibatan mereka dalam sektor perdagangan dan korporat.

Perdana Menteri menegaskan kerajaan tidak akan membiarkan matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB)

yang telah diperjuangkan sejak 19 tahun lalu menyimpang dari landasannya walaupun ada ancaman dan ugutan dari berbagai pihak kebelakangan ini.

Menurutnya, adalah sukar untuk melayani kehendak dan kepentingan berbagai sektor dan kumpulan, tetapi satu kata sepakat harus dicapai mengenai dasar baru itu.

Beliau menyatakan demikian dalam ucapannya merasmikan Persidangan Prospek Masa Depan Kebangsaan 1988 di sini selama dua hari anjuran Institut Kajian Ekonomi Malaysia (MIER) yang membincangkan prospek ekonomi negara termasuk dasar ekonomi selepas 1990.

Sambil mengulangi jaminannya semua pihak akan dirundingi dalam merangka dasar dan strategi dasar ekonomi selepas 1990, Perdana Menteri berkata kerajaan berazam untuk mencapai kedua-dua sekali kestabilan politik dan pertumbuhan ekonomi.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, kerajaan bersungguh-sungguh melaksanakan dasarnya untuk mewujudkan kestabilan politik dan kemajuan ekonomi tetapi malangnya usaha itu mendedahkannya kepada ancaman dan ugutan dari pihak tertentu.

"Ada pihak berusaha untuk menggoncangkan sampan jika tidakpun dikaramkan sama sekali jika kita tidak memenuhi tuntutan mereka.

"Bagaimanapun kita tetap tidak akan menyimpang dari matlamat asal, sebaliknya akan terus berusaha mencapai kestabilan politik dan pertumbuhan ekonomi yang diidam-idamkan. Kita yakin boleh melakukannya.

Perdana Menteri berkata, dasar ekonomi selepas 1990 perlu selanjutnya menggalakkan pelaburan baru dari dalam dan luar negeri serta menggalakkan produktiviti secara mewujudkan kemahiran baru dan menggunakan teknologi baru.

"Kita perlu berdaya cipta dan berdaya membawa pembaharuan tetapi dalam pada itu kita harus lebih berazam untuk mencapai matlamat-matlamat yang kita tetapkan 19 tahun lalu.

DEB TAK AKAN MENYIMPANG

UM 30 NOV 1988

Saya harap semua pihak akan memainkan peranan masing - masing dalam usaha ini," ujarnya.

Datuk Sri Dr. Mahatir berkata, kerajaan sedar penggubalan dasar baru selepas 1990 yang menjadi perhatian ramai itu akan mempengaruhi pertumbuhan negara.

"Oleh itu kita tidak akan mengeneipikan dasar - dasar yang akan memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi," ujar beliau.

Datuk Sri Dr. Mahatir juga mengatakan, disebabkan oleh keadaan, hidup yang berubah sama ada di dalam atau luar negeri, wujudnya persaingan yang sengit dan tidak menentu serta saling bergantung antara satu sama lain, kerajaan akan merangka dasar dan strategi yang lebih berhati - hati.

"Kita terpaksa mem-

beri keutamaan kepada usaha mewujudkan kekayaan baru. Usaha ini akan dibuat dalam konteks menyusun semula ekonomi kita untuk memastikan kestabilan jangka panjang dan ketahanan pertumbuhan.

"Kita juga akan memastikan usaha membasmi kemiskinan dan langkah mewujudkan pe-

kerjaan baru diteruskan dan mereka yang tidak bernasib baik dibela," tambah beliau.

Beliau juga menekankan, matlamat penyusunan semula struktur sosial negara ini iaitu pencapaian 30 peratus bumiputera dalam sektor korporat dan perniagaan tidak akan ditinggalkan begitu sahaja.